



**IKLAN PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI  
INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA**

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri menawarkan peluang latihan industri kepada pelajar-pelajar warganegara Malaysia daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta dalam dan luar negara. Tawaran ini dibuka kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf.

**ELAUN LATIHAN INDUSTRI: Tertakluk kepada peruntukan kewangan.**

**SYARAT KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
3. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Hubungan Antarabangsa/ Bahasa/ Ekonomi atau yang berkaitan dengannya.
4. Mempunyai keputusan akademik yang cemerlang (CGPA 3.00 ke atas) dan menunjukkan sifat kepimpinan yang tinggi.
5. Mampu bekerja secara bersendirian atau berpasukan dan dapat melaksanakan tugas-tugas *ad-hoc* seperti yang diarahkan oleh penyelia.
6. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
7. Berpengalaman dalam menjalankan penyelidikan adalah satu kelebihan.
8. Berfikiran kreatif dan inovatif.

**CARA MEMOHON**

Calon yang berminat dijemput untuk memohon dengan melampirkan *resume* lengkap beserta kelayakan dan maklumat peribadi. Sila kemukakan gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan dan sijil-sijil akademik ke alamat e-mel yang berikut:

[vacancy@idfr.gov.my](mailto:vacancy@idfr.gov.my)

**Tel.: +603 - 2149 1000**

**Faks: +603 - 2144 2529**

Setiap permohonan yang dihantar melalui e-mel hendaklah ditulis sebagai "**Permohonan Latihan Industri IDFR**".

**PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berhubung iklan ini bolehlah diajukan kepada pegawai berikut:

En. Ahmad Schafril bin Maslam

Tel: +603 - 2149 1163

E-mel: [schafril@idfr.gov.my](mailto:schafril@idfr.gov.my)